

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimana proses pelantikan seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti dibuat. Adakah Persatuan Alumni dan Senat universiti dilibatkan. Atau adakah ia berdasarkan autonomi universiti sepenuhnya.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Merujuk kepada Peraturan 14(1), Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1970 (Akta 30), "Pelantikan ahli Lembaga, kecuali Naib Canselor, hendaklah dibuat oleh Menteri bagi tempoh tiga tahun dan apabila habis tempoh itu, ahli Lembaga itu layak dilantik semula". Manakala Seksyen 13(1) Akta 30 pula menetapkan komposisi keahlian LPU hendaklah mewakili kelompok tertentu yang dapat membantu Lembaga melaksanakan fungsi dengan berkesan. Justeru, selain wakil-wakil Perkhidmatan Awam yang terdiri daripada pegawai kanan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kewangan yang bertindak sebagai pemegang taruh utama Universiti Awam, pelantikan Ahli LPU perlu menepati komposisi yang termaktub di bawah Akta 30 iaitu:

**i) Pengerusi LPU**

Calon mempamerkan daya kepimpinan dan keupayaan pengurusan yang cemerlang, berperibadi unggul, dihormati oleh masyarakat, mempunyai tahap integriti serta akauntabiliti yang tinggi dan telah memberikan banyak sumbangan kepada negara.

**ii) Wakil Masyarakat Setempat**

Calon dilantik dalam kalangan pemimpin masyarakat setempat atau berasal dari negeri lokasi UA berkenaan.

**iii) Wakil Senat**

Seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli yang disebut dalam Peraturan 17(d) Jadual Pertama Akta 30.

**iv) Wakil Sektor Swasta**

Calon berpengalaman luas dalam selok-belok tadbir urus organisasi, mempunyai kelayakan akademik atau pengalaman yang bersesuaian dengan bidang tujahan universiti yang diwakili, mampu menyuntik perspektif baru dalam kepemimpinan

organisasi dan pengumpulan dana serta berupaya memperkuat jaringan dengan pihak industri dan membantu menerapkan amalan tadbir urus korporat yang baik (*Good Corporate Governance*) dalam pentadbiran universiti.

**v) Wakil Alumni**

Calon adalah seorang tokoh yang boleh menjadi contoh ikutan kepada warga universiti khususnya para pelajar dan mampu menggerakkan usaha dalam pengumpulan dana universiti melalui jaringan perhubungan dengan alumni.

**vi) Wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman**

Calon dilantik berdasarkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang tertentu yang bersesuaian dengan bidang tujahan universiti.

Selaras dengan autonomi yang telah diberikan kepada Universiti Awam, Kementerian Pengajian Tinggi juga telah menghasilkan *University Transformation Program (UniTP) Greenbook: Enhancing University Board Governance and Effectiveness* sebagai panduan untuk memperkasakan lagi peranan Lembaga Pengarah Universiti termasuk dalam urusan pencalonan Ahli LPU.

Dalam hubungan ini, sebahagian Universiti Awam menubuhkan Jawatankuasa Pencalonan (*Nomination Committee*) dan sebahagian yang lain dikenal pasti oleh Lembaga Pengarah Universiti berdasarkan kesesuaian komposisi sebelum cadangan pelantikan dikemukakan kepada pihak Kementerian. Selain itu, pihak universiti diberikan kebebasan untuk mengadakan sesi libat urus dengan Persatuan Alumni bagi tujuan pencalonan wakil alumni, manakala pencalonan wakil Senat pula akan melalui proses undian dalam kalangan Ahli Senat. Kepelbagaian latar belakang profesional dan pengalaman ahli LPU yang dilantik di sesebuah universiti juga turut diambil kira sebelum sebarang pelantikan dimuktamadkan .

Sekian, terima kasih.